

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' IR HAJI NAWAWI BIN AHMAD
KAWASAN : LANGKAWI
TARIKH : 16.10.2014 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 46

YB DATO' IR HAJI NAWAWI BIN AHMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapa jumlah peningkatan perdagangan dan pelaburan dari ASEAN bagi tahun 2012-2013 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengekalkan atau meningkatkan jumlah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. ASEAN merupakan pasaran utama Malaysia dengan jumlah dagangan sebanyak 27.4 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan global Malaysia. Jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN pada tahun 2013 telah dicatatkan sebanyak RM374.71 bilion iaitu peningkatan sebanyak 4.6 peratus daripada tahun 2012. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN pada tahun 2013 berjumlah RM201.81 bilion iaitu peningkatan sebanyak 7.2 peratus daripada tahun 2012. Nilai import Malaysia pada tahun 2013 pula berjumlah RM172.9

bilion iaitu peningkatan sebanyak 1.7%. Bagi tujuh bulan pertama 2014, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN telah direkodkan sebanyak RM226.88 bilion.

2. Bagi tahun 2013, Malaysia telah menerima aliran masuk pelaburan intra-ASEAN sebanyak USD2.2 bilion atau 10.3% daripada jumlah pelaburan intra-ASEAN iaitu sebanyak USD21.3 bilion. Malaysia merupakan destinasi pelaburan keempat terbesar selepas Singapura, Indonesia dan Thailand. Walau bagaimanapun, nilai ini mencatatkan penurunan sebanyak 21.4% daripada USD2.8 bilion pada tahun 2012. Hanya Indonesia (peningkatan 13.0%), Myanmar (peningkatan 87.3%), Vietnam (peningkatan 39.3%) dan Thailand (127.2%) mencatatkan peningkatan pelaburan intra-ASEAN pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Jumlah pelaburan asing ke Malaysia dari ASEAN dan luar ASEAN pada tahun 2013 adalah sebanyak USD12.3 billion.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kerajaan berpendapat bahawa integrasi ekonomi ASEAN dapat mempertingkatkan lagi perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN. Integrasi ekonomi ASEAN telah bermula sejak lebih dua dekad yang lalu dengan termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Memperkukuhkan Kerjasama Ekonomi ASEAN yang ditandatangani pada Januari 1992. Proses integrasi ekonomi ASEAN telah diperkukuhkan lagi melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*AEC Blueprint*) yang diperakukan sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 2007. AEC merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan integrasi ekonomi ASEAN

untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota khususnya dalam menjadikan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif.

4. Kesan integrasi dan ekonomi ASEAN telah memberikan ruang dan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk memperluaskan perniagaan ke negara-negara ASEAN lain. Sehingga kini, adalah dianggarkan lebih daripada 500 buah syarikat Malaysia telah beroperasi di negara-negara ASEAN termasuklah AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress. Industri kecil dan sederhana turut dapat mengeksport ke negara-negara ASEAN.

5. Syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di negara-negara ASEAN juga telah menubuhkan majlis-majlis perniagaan di Indonesia, Thailand, Myanmar, Singapura, Vietnam dan Kemboja. Kerajaan menyarankan agar usahawan-usahawan tempatan dapat berinteraksi dengan majlis-majlis ini untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara tersebut.